

PULANGAN EKONOMI LALUAN MOTOSIKAL.



MALANG...nahas di Kilometer 17 Lebuhraya Grand Saga, Kajang-Cheras meragut nyawa empat penunggang motosikal, Jumaat lalu.

Kajian UPM
menunjukkan
laluan motor
dapat kurang
kemalangan
hingga
39 peratus

Oleh
Noor Azam Abd Aziz

azam@hmetro.com.my

TIADA siapa menyangka hujan lebat petang Jumaat lalu, di Kilometer 17 Lebuhraya Grand Saga, Kajang-Cheras, Selangor, akan mengundang detik ngeri buat penunggang motosikal yang sering menggunakan laluan itu.

Pada petang itu, empat terbunuh manakala tujuh lagi cedera termasuk satu kritikal apabila sebuah lori pasir merempuh sembilan penunggang motosikal dan dua pembonceng yang berteduh dibawah jejambat berhampiran Sungai Long.

Hanya linangan air mata keluarga dan kenangan mengiringi jenazah mangsa terbabit.

Bagi yang cedera, peristiwa itu satu pengajaran dan pengalaman ngeri buat mereka untuk menggunakan laluan menghubungkan Kajang ke Kuala Lumpur berkenaan.

Hakikatnya, mereka yang menunggang motosikal di situ bagai menggadai nyawa terutama ketika berdepan pelbagai kenderaan berat yang dipandu laju dan lebih muatan.

Walaupun pelbagai usaha dilaksanakan pihak berkuasa terbabit sebelum ini, kehadiran mereka untuk memantau kenderaan berat sering diganggu tonto yang menjadi penyelamat si pelanggar undang-undang.

Sikap buruk, cuai dan biadab di kalangan pemandu kenderaan berat itu jelas memberi kesan kepada penunggang motosikal yang terpaksa berdepan dengan maut.

babkan' mereka terpaksa menggunakan laluan yang digunakan kereta, lori dan bas.

Lebih malang lagi, mereka turut menyabung nyawa apabila beberapa lorong keemasan yang menjadi laluan selamat ditutup untuk tujuan penyelengaraan jalan dan pembinaan stesen minyak.

Laluan motosikal hanya disediakan berhampiran tol tetapi ia sempit, berpasir dan mungkin membahayakan.

Di sebalik kemalangan maut di lebuh raya berkenaan, sewajarnya semua pihak merenung kembali usaha yang pernah diwar-warkan sebelum ini untuk menyedia-

kan laluan lebih selamat kepada penunggang motosikal.

Walaupun penunggang motosikal dikecualikan membayar tol, tidak bermakna mereka dianaktirikan tanpa disediakan laluan, kemudahan berteduh dan rehat apabila berdepan dengan keadaan cuaca buruk.

Kemalangan yang berlaku di Lebuhraya Grand Saga itu jelas menunjukkan betapa penunggang tidak mempunyai pilihan lain untuk berlindung daripada hujan lebat dengan memilih bahagian bawah jejambat sebagai tem-

pat berteduh.

Saranan Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu, baru-baru ini, yang mahu semua pengendali lebuh raya menyediakan lorong motosikal dalam projek mereka pada masa depan adalah usaha baik mengurangkan kadar kemalangan.

Menurutnya, langkah itu bertujuan membendung peningkatan kemalangan jalan raya, terutama membabitkan penunggang motosikal.

“Bagi menangani kemalangan jalan raya, apabila syarikat pengendali lebuh raya

mengemukakan cadangan, mereka perlu memasukkan lorong motosikal dalam projek mereka," katanya.

Kajian Universiti Putra Malaysia (UPM) sebelum ini menunjukkan laluan motosikal dapat memberi pulangan ekonomi yang tinggi serta dijangka mengurangkan kadar kematian kemalangan 25 hingga 39 peratus bergantung kepada jenis laluan.

Berdasarkan statistik dikeluarkan pihak berkuasa pada tahun 2000, seramai 9,100 orang maut akibat kemalangan jalan raya dan daripada angka berkenaan 5,200 daripadanya adalah penunggang motosikal.

Jumlah yang melebihi separuh itu membuktikan kelompok berkenaan terdedah kepada kemalangan maut dan usaha yang berterusan

perlu dilaksanakan pihak bertanggungjawab.

Apabila berlaku sesuatu kemalangan membabitkan motosikal, penunggang sering dipersalahkan, namun tidak semuanya berpunca daripada mereka kerana ada pemandu kenderaan lain yang memandu secara bahaya dan enggan memberi laluan.

Dalam menyediakan kemudahan kepada penunggang motosikal, pihak bertanggungjawab perlu memastikan laluan yang disediakan selamat untuk pengguna.

Tidak dinafikan dengan adanya laluan motosikal berkenaan, ia turut membantu mengurangkan kemalangan, kesesakan lalu lintas serta memberi keselesaan kepada penunggang.

Usaha menyediakan kemudahan berkenaan juga perlu meneliti beberapa aspek terutama dalam mengejakkannya dibina seperti melepaskan batuk ditangga.

Malah, ada laluan motosikal yang disediakan sebelum ini tidak menepati kesesuaian penunggang sehingga membahayakan nyawa mereka seperti selekoh terlalu tajam sehingga menyebabkan kekeliruan dan terbabas.

Antara masalah lain dikenal pasti ialah keadaan jalan berlopak, berpasir dan tidak rata yang menyebabkan penunggang motosikal menghadapi masalah menggunakan laluan berkenaan.

Begitu juga ketika hujan, sistem perparitan yang tidak sempurna menyebabkan banjir terutama di kawasan terowong yang gelap tanpa disediakan sebarang amaran dan tempat berhenti sehingga ada penunggang menjadi mangsa.